

'Abang bomba' mahu ke final

Bomba Shah Alam FC mahu melangkah ke pentas final perlawanan

NOOR HAYATI MAMAT

SHAH ALAM

Pasukan Bomba Shah Alam FC yakin mampu berikan saingan hebat bagi membawa pulang hadiah dalam acara *street soccer (4 on 4)* program *Sweat & Shoot: Sukan Tanpa Diskriminasi* di Kuripulan Media Karangkrak pada 15 Disember ini.

Pengurus pasukan, Penguasa Kanan Bomba II,

Wan Mohd NurulHisam Wan Nawang berkata, beliau optimis pasukannya melangkah ke pentas akhir bagi memburu gelaran juara atau sekurang-kurangnya mendapat nombor.

"Meskipun Bomba Shah Alam FC pernah serta kejohanan sebegini sebelum ini, namun ia di peringkat kecil dan ini kali pertama penyertaan kami dalam kejohanan atau program berskala besar begini.

"Kita akui laluan tidak mudah seperti diharapkan namun yakin dapat berikan tentangan kepada pasukan lain. Harapan kami tentunya kalau boleh ingin bergelar juara tetapi kalau boleh nombor juga satu kejayaan kerana semua pasukan sertai pasti punyai kelebihan masing-



WAN MOHD NURULHISAM

masing.

"Bagi memastikan persediaan pasukan berada di tahap terbaik kami telah adakan latihan setiap petang bagi memperkemas lagi dari sudut taktikal serta tingkatkan stamina para pemain," katanya.

Program sehari anjuran akhbar *Sinar Harian* dan *Sin Chew Daily* itu bakal



Skuad Bomba Shah Alam FC kini sedang giat berlatih untuk raih kejuaraan *street soccer (4 on 4)*.

menyaksikan 32 pasukan berentap memburu gelaran juara bagi membawa pulang hadiah utama berupa wang tunai RM3,000 beserta trofi dan medal.

Naib juara menerima wang tunai RM2,000 dan

medal, tempat ketiga pula (RM1,200 dan medal), keempat (RM800 dan medal) manakala empat pasukan yang berjaya melangkah ke suku akhir bakal membawa pulang wang tunai RM150 bagi setiap pasukan.

Kejohanan mengikut format liga satu pusingan dengan lapan pasukan teratas layak ke suku akhir, empat pasukan ke separuh akhir dan seterusnya dua pasukan mara untuk beraksi di gelanggang pentas akhir.